

Kajian IPS: Jurang kelas sosial kian ketara

JURANG sosial paling ketara di Singapura kini mungkin berdasarkan kelas, bukan bangsa atau agama, menurut satu kajian.

Kajian ke atas Modal Sosial di Singapura kendalian Institut Pengajian Dasar (IPS) itu mendedahkan secara purata warga setempat yang tinggal di perumahan awam mempunyai 'kurang daripada satu rakan' yang tinggal di perumahan privet, lapor *The Straits Times* (ST)

Mereka yang belajar di sekolah elit pula kurang bergaul dengan mereka yang belajar di sekolah bukan elit, dan juga sebaliknya.

Bagi kajian tersebut, sekitar 3,000 warga Singapura dan penduduk tetap diwawancara dan diminta memberi nama orang-orang yang mempunyai hubungan dengan mereka.

Mengulas dapatan kajian itu, para penyelidik berkata ia mencerminkan terdapat jurang kelas sosial yang ketara di Singapura.

Justeru para penyelidik tersebut menggesa diperkenalkan lebih banyak dasar yang menggalak pergaulan antara kelas bagi menangani trend itu.

"Kita telah beralih daripada masyarakat berdasarkan kaum kepada masyarakat berdasarkan kelas," kata pakar sosiologi Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Vincent Chua, salah seorang daripada tiga penyelidik kajian tersebut.

"Kita telah mencapai kemajuan yang baik dalam memupuk kepelbagaian kaum dan menggalak pergaulan antara kaum, tetapi langkah seterusnya ialah meningkatkan usaha memastikan kumpulan kelas berbeza juga bergaul antara satu sama lain," ujarnya yang ditukil ST.

Dua lagi penyelidik kajian itu ialah Timbalan Pengarah IPS, Dr Gillian Koh, dan seorang lagi pakar sosiologi NUS, Dr Ta Ern Ser.

Kajian itu disokong Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY).

Dari Januari hingga Julai tahun lalu, para responden diminta memberi maklumat mengenai rangkaian sosial mereka, termasuk orang-orang yang terlibat dalam perbincangan hal-hal penting atau mereka yang menjadi tempat mengadu.

Antara lain, mereka juga diminta memberi maklumat mengenai dengan siapa mereka bergaul semasa bersukan atau semasa melakukan kegiatan sosial.

Responden kemudian diminta memberi maklumat mengenai orang-orang tersebut seperti usia, bangsa dan sama ada mereka berpendapat orang-orang itu telah menghadiri sekolah elit.

Dapatan kajian itu menunjukkan bahawa war-

ga Singapura mempunyai secara purata 5.8 kenalan atau teman dalam rangkaian sosial masing-masing.

Sedang sebahagian mereka dengan mudah menamakan seorang teman yang berbeza jantina dan usia, serta berbeza kaum dan agama, mereka jarang menamakan seseorang daripada kelas yang berlainan.

Meskipun sebahagian besar warga Singapura tinggal di perumahan awam, penduduk rumah privet mempunyai lebih banyak ikatan dengan mereka yang tinggal di rumah privet, berbanding flat awam.

Dr Chua menambah: "Walaupun mereka diberi peluang sama, mereka tetap lebih cenderung bergaul dengan jenis mereka (kelas yang sama). Jadi kita harus mencari daya menangani perkara ini."

Kajian itu juga mendapati mereka yang mempunyai rangkaian lebih pelbagai memiliki perasaan bangga kepada negara dan rasa percaya kepada mereka yang berasal daripada bangsa, agama dan negara berlainan.

Mempunyai lebih ramai kawan daripada latar-belakang yang berbeza telah meluaskan pandangan dunia mereka, kata para penyelidik itu.